

DOKTRIN BUSH: SATU ANALISIS HEGEMONI BERIDEOLOGI GRAMSCI

*Muhamad Takiyuddin Ismail
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
43600 Universiti Kebangsaan Malaysia*

Abstrak

Doktrin Bush yang dikenalpasti melalui dokumen *The National Security Strategy of The United States* (2002) dihasilkan selepas Amerika Syarikat (AS) dikejutkan dalam serangan 11 September 2001, atau lebih dikenali sebagai “9/11”. Dua teras utama doktrin tersebut, iaitu konsep serangan awal dan konsep pertukaran rejim, telah menimbulkan perdebatan hebat mengenai corak dasar luar yang ingin dipraktikkan AS di bawah pentadbiran Bush. Memandangkan ramai sarjana beranggapan bahawa matlamat utama doktrin tersebut ialah untuk menjamin hegemoni AS dalam politik antarabangsa, maka, adalah penting satu kajian dilakukan bagi menganalisis hubungan antara Doktrin Bush dan teori hegemoni berideologi yang diperkenalkan oleh tokoh pemikir Marxis Itali, Antonio Gramsci (1891-1937). Berdasarkan perbincangan, Doktrin Bush dilihat telah gagal mencapai matlamatnya dan mengalami proses hegemoni balas yang kuat berikutan kekacauan yang berterusan dalam perang di Iraq.

Kata Kunci: Hegemoni berideologi, Doktrin Bush, Neokonservatif, Perang Iraq, Antonio Gramsci.

Abstract

The Bush Doctrine, identified with the document “The National Security Strategy of the United States” (2002) was articulated after the attack of 11th September 2001, or more commonly known as “9/11”. The two main pillars of the doctrine - preemptive attack and regime change - has been the subject of much debate on the pattern of foreign policy under the Bush administration. Since a major objective of the doctrine as generally perceived by scholars was to secure US hegemony in international politics, it is thus imperative to analyse the relationship between the Bush Doctrine and the ideological hegemony theory, as introduced by the Italian Marxist thinker, Antonio Gramsci (1891-1937). The analysis will demonstrate that the Bush Doctrine seems to have failed to meet its objective, and on the contrary, has experienced a strong counter-hegemony due to the growing chaos and anarchy in the Iraq War.

Key words: Ideological hegemony, Bush Doctrine, Neoconservative, Iraq War, Antonio Gramsci

PENDAHULUAN

Menurut A.M Adinda dan Usman Burhan (1963, 97), doktrin didefinisikan sebagai ajaran atau satu pegangan politik yang dijadikan haluan politik sesuatu negara. Dalam konteks Amerika Syarikat (AS), doktrin kebiasaannya dikaitkan dengan corak dasar luar yang dijadikan pegangan oleh seseorang Presiden yang menyandang jawatan. Namun doktrin lebih merupakan satu deklarasi dasar luar dan bukannya merupakan undang-undang antarabangsa (Shakila 2005, 78). Hal ini tidak terkecuali bagi Presiden AS yang sedang menyandang jawatan iaitu Presiden George W. Bush (2001 hingga kini).

Doktrin Bush yang dikenalpasti melalui pengeluaran dokumen *The National Security Strategy of the United States* pada tahun 2002 dihasilkan selepas AS dikejutkan dalam serangan terburuk dalam tanah air mereka sendiri iaitu peristiwa 9/11. Peristiwa tersebut telah mengubah pandangan dan persediaan Washington terhadap ancaman keganasan sehinggakan mereka menyerang Afghanistan dan kemudiannya menggulingkan pemerintahan Saddam Hussein dalam operasi ketenteraan terhadap Iraq. Kedua-dua pencerobohan tersebut telah mencetuskan sentimen anti-AS yang paling besar dalam sejarahnya dan sekaligus menjejaskan dengan teruk hubungan Barat dan umat Islam dan juga hubungan AS-Eropah (Rosnani 2003; Kissinger 2003).

Pentadbiran Bush yang sering dianggap sebagai mewakili dasar *neo-Reaganite*¹ telah memperkenalkan doktrin serangan awal (*pre-emptive*) bagi menggantikan doktrin pembendungan (*containment*)² yang dianggap tidak lagi berkesan dalam menghadapi ancaman terorisme dan Iraq. Jika doktrin pembendungan yang dihasilkan oleh AS pada 1945 bertujuan hanya untuk membendung pengaruh dan kemaraan ideologi komunis, Doktrin Bush telah membawa dimensi baru dalam percaturan dasar luar AS apabila menyatakan hak AS untuk melancarkan serangan awal terhadap negara-negara yang boleh mengancam kepentingan strategiknya (Gaddis 2003; Krauthammer 2004).

Dimensi terpenting Doktrin Bush ialah dari segi matlamatnya. Jika doktrin yang dihasilkan oleh Presiden AS sebelum ini hanya terhad menyatakan kepentingan AS di kawasan tertentu seperti Timur Tengah (Doktrin Eisenhower

dan Doktrin Carter), Amerika Selatan (Doktrin Reagan) dan Asia Tenggara (Doktrin Nixon), namun Doktrin Bush menyerlahkan tiga tafsiran penting iaitu manifestasi penerusan dasar unilateral AS, penyebaran domino demokrasi³ khususnya di Timur Tengah dan seterusnya menjamin matlamat utama doktrin ini iaitu hegemoni (Kennedy 2003; Jervis 2003; Acharya 2003; Gaddis 2003; Fukuyama 2006).

Evolusi Doktrin Bush boleh ditelusuri daripada dasar yang telah diasaskan oleh Presiden Reagan (1980-1989) iaitu penekanan terhadap faktor ideologi. Dalam era Reagan dan Bush, ideologi yang dimaksudkan ialah ideologi neokonservatif yang antara lainnya diwakili oleh ciri-ciri seperti penekanan terhadap pertukaran rejim, penyebaran idea pensejagatan demokrasi⁴, orientasi unilateralisme dan penolakan terhadap rejim kerjasama (Muhamad Takiyuddin 2006).

Hal ini membuktikan bahawa ideologi telah memainkan peranan penting dalam memastikan keunggulan kuasa AS dapat dikekalkan dan sekaligus mengesahkan tesis yang telah dihasilkan oleh intelektual seperti Fukuyama (2002, naskhah asal 1989) mengenai kemenangan ideologi demokrasi liberal, Krauthammer (1991) mengenai sistem unipolar yang tidak tercabar dan Huntington (1993) mengenai cabaran pertembungan peradaban yang mungkin datang daripada Islam. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan melihat bagaimanakah Doktrin Bush telah menjadi satu penanda aras tentang projek hegemoni global AS dan keberkesanannya dalam aplikasi terhadap sistem politik antarabangsa.

PENDEKATAN TEORITIKAL

Dalam konteks makalah ini, penulis ingin menumpukan persoalan Doktrin Bush dalam konteks pemikiran dan falsafah politik. Sehubungan itu, perspektif teori yang akan digunakan ialah teori hegemoni berideologi yang diperkenalkan oleh pemikir Itali berfahaman Marxis, Antonio Gramsci (1971). Persoalan utama yang mendasari kerja teoritikal Gramsci ialah mengapa begitu sukar sekali untuk mempromosikan revolusi di Eropah Barat? Karl Marx telah meramalkan bahawa

revolusi dan peralihan kepada sosialisme akan berlaku pertama sekali dalam masyarakat kapitalis yang maju. Namun revolusi terawal mengambil tempatnya dalam sebuah negara yang relatifnya mundur iaitu di Russia pada tahun 1917, dan semua cubaan revolusioner di Eropah Barat dan Tengah berakhir dengan kegagalan. Fakta tersebut seolah-olah menyatakan bahawa terdapatnya kekurangan dalam analisis pendokong Marxis klasik. Kekurangan inilah yang dijawab oleh Gramsci menerusi konsep hegemoni (Hobden & Jones 2001, 210).

Apabila pendokong aliran 'saintifik' Marxis menekankan peranan penentu ekonomi dalam peralihan daripada kapitalisme kepada sosialisme, mereka memandang rendah pengaruh pengalaman bukan ekonomi dan seterusnya memperkenalkan model sebab dan akibat yang terlalu mudah iaitu pembangunan kesedaran politik menyamai "eksploitasi di tempat kerja = alienasi = revolusi" (Ransome 1992, 113). Gramsci menolak pendekatan ini walaupun dia tidak menolak kepentingan mod pengeluaran sebagai mempengaruhi pembangunan sejarah dalam jangka masa panjang. Justeru, Gramsci memperkenalkan konsep hegemoni berideologi iaitu bentuk kawalan ideologi dan manipulasi yang tidak ketara tetapi telah meresap dan seterusnya bertindak mengekalkan semua struktur yang menindas (Boggs 1976, 37-38).

Bagi membezakan dua jenis kawalan politik yang fundamental, Gramsci membandingkan fungsi dominasi (paksaan fizikal langsung) dengan hegemoni atau kepimpinan (konsensus, kawalan berideologi). Gramsci menganggap hegemoni sebagai penembusan keseluruhan sistem nilai, sikap, kepercayaan dan moraliti terhadap keseluruhan masyarakat sivil – meliputi keseluruhan lingkungan struktur dan aktiviti seperti kesatuan sekerja, sekolah, gereja, keluarga dan media. Kesemua elemen ini bersifat menyokong orde yang telah sedia wujud dan kepentingan kelas yang mendominasinya. Hegemoni dalam soal ini boleh didefinisikan sebagai prinsip penyusunan atau pandangan dunia yang disebarkan oleh agensi kawalan ideologi dan sosialisasi terhadap setiap bidang kehidupan harian (Boggs 1976, 38-39).

Persepsi hegemoni ini sekaligus telah memperluaskan definisi negara. Gramsci melihat negara bukan lagi sebagai satu cabang pentadbiran, eksekutif

atau paksaan sahaja tetapi ia harus juga memasukkan elemen yang memperkuat struktur politik dalam masyarakat sivil. Kesemua institusi masyarakat sivil seperti yang diterangkan sebelum ini membantu dalam mencipta beberapa mod tingkahlaku dan jangkaan yang konsisten dengan orde sosial hegemoni (Cox 1993, 51).

Apabila rasa kesedaran yang mendominasi ini diletakkan ke dalam massa yang lebih besar, ia menjadi sebahagian dari rasa bersama. Dalam usaha elit pemerintah mengekalkan kuasa, kekayaan dan status, mereka cuba mempopularkan falsafah, budaya dan moraliti mereka sendiri dan mempersempahkannya mereka sebagai golongan yang tidak boleh dicabar. Dalam hubungan ini, kuasa kelas pemerintah terhadap yang lain bukan sahaja bergantung semata-mata kepada unsur paksaan dan ekonomi tetapi juga melibatkan kepimpinan intelektual yang bertindak sebagai penyusun idea hegemoni pemerintah. Golongan intelektual yang dimaksudkan di sini bukanlah terdiri daripada kelas yang berlainan atau strata yang tidak berkelas secara relatif. Gramsci melihat mereka sebagai berhubungan secara organik dengan kelas sosial. Intelektual yang dimaksudkan di sini juga bukan sekadar meliputi intelektual tradisional (golongan agama, penulis, ahli akademik), tetapi juga mereka yang berada di pelbagai institusi (pengurus, juruteknik dan pegawai). Mereka menjalankan fungsi membangunkan dan mengekalkan imej mental, teknologi dan organisasi yang mengikat bersama ahli-ahli kelas dan blok sejarah menjadi identiti awam (Boggs 1976, 39; Thompson 1986, 99; Gill & Law 1993, 93; Cox 1993, 57; Hilley 2001, 10-11).

Jika hegemoni kelas pemerintah merupakan elemen utama dalam mengekalkan dominasinya, masyarakat itu hanya boleh ditransformasikan jika hegemoni tersebut dicabar. Proses ini dinamakan hegemoni-balas (Hobden & Jones 2001, 211). Menurut Gramsci, krisis negara moden berlaku apabila kelas pemerintah dilucutkan prestij spiritual dan kuasanya. Krisis seperti ini menurut Gramsci boleh berlaku apabila:

the ruling class has failed in some major political undertaking for which, it has requested, or forcibly extracted, the consent of the broad masses (war, for example)... (dipetik daripada Boggs 1976, 40-41)

Jika keadaan ini berlaku, Gramsci merumuskan kelas pemerintah:

is no longer 'leading' but only 'dominant', exercising coercive force alone, this means precisely that the great masses have become detached from their traditional ideologies, and no longer believe what they used to believe previously... (dipetik daripada Boggs 1976, 41-42)

Dalam fasa ini, Gramsci menyarankan agar wujudnya perang posisi iaitu pendekatan beransur-ansur dalam membina kekuatan asas sosial negara baru. Untuk membina asas masyarakat dan negara alternatif yang baru, haruslah ada pengwujudan institusi dan sumber intelektual dalam masyarakat yang sedia wujud dan membina jambatan antara golongan pekerja dan kelas subordinat yang lain. Mengambil contoh pihak intelektual, mereka haruslah memainkan peranan yang serupa seperti yang telah dimainkan oleh intelektual kelas hegemoni dalam mewujudkan blok sejarah baru. Untuk menjayakan peranan ini, mereka haruslah mewujudkan budaya, organisasi dan teknik yang berbeza (Cox 1993, 53).

PERBINCANGAN

Bagi memudahkan perbincangan agar makalah ini lebih terfokus, penulis akan melakukan analisis berdasarkan komponen yang telah digariskan Gramsci dalam teori hegemoni berideologi.

Unsur atau institusi yang wujud dalam sesuatu masyarakat sivil

Terdapat tiga elemen yang dikaji Gramsci dalam penilaiannya ke atas unsur atau institusi yang wujud dalam masyarakat sivil iaitu tradisi sejarah yang unik, media dan agama. Dalam kes Doktrin Bush, tradisi sejarah unik ini menjadi satu pegangan yang amat yang kuat mempengaruhi golongan neokonservatif dan pentadbiran Bush dalam memperkenalkan dasar luar AS pasca 9/11. Jika

direnung kembali, idea hegemoni AS terhadap politik antarabangsa bermula selepas kemenangannya memimpin tentera bersekutu dalam Perang Dunia Kedua. Sentimen ini dilanjutkan dengan lebih hebat apabila AS berjaya memenangi Perang Dingin dengan tumbangnyanya empayar komunisme pada 1989-1991.

Tempoh ini menyaksikan dunia mula diuar-uarkan berada dalam apa yang dipanggil oleh Presiden George H. W. Bush (1989-1992/R) sebagai Orde Baru Dunia dan juga penguasaan sistem unipolar seperti yang diujahkan oleh Krauthammer (1991). Krauthammer juga mengemukakan persoalan sama ada abad ke-21 akan sekali lagi menjadi abad AS ataupun era *Pax Americana* dan menganggap hegemoni yang dinikmati AS:

adalah jarang dalam sejarah kerana pakatan kuasa lawan secara tetap akan bangun untuk mencabar dan menjatuhkan orang besar... Keajaiban 90-an merupakan anjing yang tidak menyalak: Di mana pihak lawan, di mana pakatan negara berkedudukan kedua yang bangun mencabar *Pax Americana* (Krauthammer 1999, 96)

Sehubungan itu, peristiwa 9/11 dilihat menjadi detik yang amat ditunggu oleh golongan neokonservatif dalam merencanakan agenda hegemoni global. Mempertimbangkan kelemahan dasar luar Clinton, mereka berhujah bahawa AS haruslah kembali kepada dasar yang telah ditetapkan Reagan iaitu peningkatan belanja ketenteraan dan mengambil sikap unilateral dalam soal yang berkait dengan kepentingan nasional AS. Turut dibangkitkan ialah keperluan melihat sejarah AS selepas peristiwa Pearl Harbour yang menyaksikan campur tangan tegap AS di pentas global. Sehubungan itu, dasar luar yang dibentuk pasca 9/11 haruslah mencerminkan dasar yang menggabungkan elemen dasar luar Presiden Roosevelt dan Presiden Reagan (lihat antaranya Kristol & Kagan 1996; Krauthammer 2001; Boot 2001; Kaplan & Kristol 2003).

Pada masa yang sama, hegemoni berideologi yang dikenakan Doktrin Bush mendapat sokongan yang kuat daripada media iaitu satu lagi elemen yang dikaji oleh Gramsci. Media massa seperti majalah *Commentary*, majalah *The*

Weekly Standard, jurnal *The National Interest*, stesen televisyen Fox, akhbar *Wall Street Journal* dan *Washington Post* merupakan nadi terhadap gerakan konservatif dan kerap digunakan untuk mempengaruhi pendapat awam, mempertahankan Israel, menjadi platform idea kebesaran demokrasi dan menjadi suara rasmi pentadbiran Bush (lihat antaranya Guyatt 2003; Fukuyama 2004; Daim 2004; Mersheimer & Walt 2006).

Kajian Kull *et.al* (2003) mendapati bahawa rakyat Amerika sememangnya memiliki banyak salah tanggapan terhadap Perang Iraq berikutan beberapa sebab. Salah satu sebab yang dinyatakan mereka ialah peranan media yang keberatan untuk mencabar pendirian pentadbiran dan telah bertukar peranan daripada menjadi penapis yang kritikal kepada saluran untuk mencapai matlamat. Hanya selepas beberapa bulan peperangan berlangsung dan setelah mendapati ketiadaan senjata pemusnah massa (WMD), beberapa akhbar secara rasmi memohon maaf di atas liputan mereka berkenaan perang (Cameron 2005, 108).

Peranan agama juga turut disentuh oleh Gramsci dan dalam kes Doktrin Bush, peranan golongan *New Right* dan *Kristian Zionis* memberi impak yang besar terhadap dasar luar yang bersifat *crusade*. Kumpulan ini adalah kumpulan yang menjadi pengkalan sokongan politik Bush. Walaupun golongan *New Right* seperti *Christian Coalition* lebih berperanan dalam urusan domestik, namun tafsiran keagamaan mereka itu membawa kepada ajaran bahawa sekiranya Israel selamat, agama Kristian akan berkembang. Hakikat kepercayaan ini terletak pada kepercayaan bahawa orang Yahudi adalah buta mengenai penolakan terhadap Jesus dan akhirnya akan memeluk agama Kristian. Sebahagian penulis dan sarjana menyifatkan gabungan *New Right* dan *Kristian Zionis* mempunyai sikap anti-Islam yang kuat, penyokong Yahudi paling tegar di AS dan pakatan 'unik' yang belum pernah wujud sebelum ini. Gabungan ini menjadi penyumbang terhadap dasar anti-Islam yang begitu menebal terutamanya daripada tokoh evangelikal seperti Pat Robertson dan Jerry Falwell yang selalu menyerang Islam, Al-Quran dan Rasulullah S.A.W (lihat antaranya Chandra 2004; Carmichael 2005; Dokumentari *The World According To Bush* 2004).

Bush juga pernah menyebut perkataan *crusade* dalam ucapannya yang seolah-olah menggambarkan peperangan antara Islam dan Barat seperti yang telah berlaku dalam Perang Salib. Pernyataan seperti ini juga membawa implikasi bahawa menyebarkan nilai-nilai Amerika dianggap berada di sebelah pihak Tuhan manakala menolaknya adalah bertentangan dengan hukum Tuhan. Jika diperhatikan ucapan-ucapan Bush, dua perkataan yang sukar ditinggalkan ialah "*evil*" dan "*God*" dan kecenderungan ini menyebabkan kebimbangan yang amat meluas di kalangan Eropah dan juga umat Islam (lihat antaranya Ryn 2003; Shakila 2004; *The Economist* 16-22 September 2006).

Sistem nilai, sikap dan kepercayaan

Sistem nilai, sikap dan kepercayaan merupakan komponen hegemoni berideologi kedua yang boleh dilihat dalam aplikasi teori Gramsci terhadap Doktrin Bush. Elemen pertama yang sering diperjuangkan oleh golongan neokonservatif dan pentadbiran Bush ialah konsep keagungan AS. Antara hujah yang sering dipegang oleh mereka ialah betapa AS perlu terus mengambil peranan sebagai pemimpin di pentas global dan bertindak mengikut acuan demokrasi ala-Amerika. Memandangkan AS sering beranggapan bahawa mereka adalah pembawa utama idea demokrasi, maka tidak ada negara yang dilihat lebih mampu memikul peranan ini selain AS. Eropah menurut mereka amat lemah dan seringkali bergantung kepada diplomasi dalam usaha menyelesaikan konflik dan pertikaian. Jalan yang sewajarnya mengatasi kelemahan ini ialah penyelesaian ketenteraan dan kesediaan untuk tidak teragak-agak dalam memaparkan kuasa AS (lihat antaranya Kagan & Kagan 2000; Kagan 2002; Bennet 2003).

Atas alasan itu, era pasca 9/11 dilihat mereka sebagai era "mood patriotik baru" yang dicerminkan dengan ketegasan AS memerangi keganasan dan rejim tirani. Perang menentang keganasan pula dianggap sebagai Perang Dunia Keempat dan memerlukan pendekatan yang serupa seperti yang dilakukan AS dalam era Perang Dingin. Sehubungan itu, empat nilai atau kepercayaan yang sering didokong mereka dalam hubungan ini ialah penolakan terhadap rejim multilateralisme, dasar yang *double standard*, kepentingan nasional yang

mementingkan diri dan kecenderungan mengagungkan AS sebagai sebuah empayar (lihat antaranya Bolton 1999; Cohen 2001; 2004; Woolsey 2002; Perle 2002; 2003; Podhoretz 2004).

Hal ini jelas terlihat dalam dua tunjang utama Doktrin Bush iaitu doktrin serangan awal dan konsep pertukaran rejim. Bush memadamkan sepenuhnya pendekatan cegah-rintang (*deterrence*) dan seterusnya dasar pembendungan dengan pengenalan doktrin serangan awal yang disifatkan sebagai satu perubahan paling drastik semenjak Perang Dingin. Hal ini kerana perang yang kebiasaannya merupakan pilihan terakhir telah menjadi pilihan pertama bagi seseorang presiden (Gaddis 2003; Schlesinger 2005).

Namun dasar baru AS ini diterima dengan skeptikal oleh para sarjana yang membangkitkan beberapa persoalan sebab dan akibat. Pertama, adakah doktrin ini turut membenarkan penggunaan senjata nuklear memandangkan pentadbiran sebelumnya banyak beranggapan ia hanyalah satu pilihan terakhir. Kedua, adakah AS akan bertindak secara unilateral dalam membuat penentuan bahawa serangan awal adalah perlu ataupun berunding terlebih dahulu dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Hal ini memandangkan doktrin tersebut lebih bersifat spekulatif, berbentuk ramalan, sukar menghasilkan kebenaran, mudah tersilap dan berisiko jika mengambil kira perang nuklear. Persoalan terakhir yang dibangkitkan, adakah AS bebas memilih rejim mana yang boleh memiliki senjata nuklear dan rejim mana yang tidak. Negara yang mempunyai doktrin ini akan mencetuskan kebimbangan di kalangan negara lain yang seterusnya menjadikan dunia dalam keadaan tidak stabil (lihat antaranya Hastedt 2003; Kennedy 2003; Jervis 2003; Gaddis 2003; Prestowitz 2003; Guyatt 2003; Nau 2004).

Mempertimbangkan hujah ini, doktrin Bush sebenarnya telah memaparkan pertentangan dengan janji beliau untuk merencanakan dasar luar yang “merendah diri”. Ia sebaliknya menyerlahkan tiga tafsiran penting iaitu manifestasi sikap unilateral AS yang menjangkakan tindakan ketenteraan sukar untuk mencapai konsensus. Keduanya, penyebaran domino demokrasi ataupun usaha melengkapkan projek Wilsonian⁵ akan terus menjadi teras dasar luar AS

khususnya di Timur Tengah iaitu dengan memulakan penggulingan Saddam; dan seterusnya kedua-dua langkah ini akan menjamin matlamat utama doktrin ini iaitu hegemoni (Kennedy 2003; Jervis 2003; Acharya 2003; Gaddis 2003; Fukuyama 2006).

Tafsiran kedua yang sering dibangkitkan terhadap doktrin ini ialah konsep pertukaran rejim. Bush secara langsung memberitahu bahawa AS tidak boleh hidup secara aman dengan kerajaan yang membangunkan WMD, mengancam negara-negara jiran dan menzalimi rakyat mereka sendiri (lihat antaranya Kaplan & Kristol 2003; Podhoretz 2004). Namun analisis ini bukanlah sesuatu yang baru. Konsep pertukaran rejim telah diamalkan sejak pemerintahan Eisenhower lagi dan ramai presiden AS dalam dasar luar mereka. Namun menurut Haass (2005, 67-68), pertukaran rejim dalam era sebelumnya lebih bersifat berperingkat atau apa yang dipanggil evolusi rejim dan bagi membendung pengaruh Soviet Union. Pertukaran rejim dalam era Bush pula menurut Haass cenderung bersifat terus, segera, melibatkan penggunaan ketenteraan dan tidak melibatkan kaedah dasar luar yang lain.

Peranan kepimpinan intelektual

Seperti hujah Gramsci, kepimpinan intelektual memainkan peranan dalam mengekalkan imej dan persepsi mengenai idea hegemoni pemerintah. Dalam kes Doktrin Bush, dua pihak yang memainkan peranan dalam hubungan ini selain media massa ialah pihak neokonservatif dan Lobi Yahudi. Neokonservatif sememangnya lebih dikenali sebagai elit intelektual dan mereka berhubungan secara dekat antara satu sama lain. Mereka mempunyai dasar yang terselaras dan berkongsi pendapat mengenai isu yang membabitkan dasar luar AS. Mereka kebanyakannya berada dalam kelas yang sama dengan menerima pendidikan dari universiti terbaik dunia sehingga ke tahap ijazah doktor falsafah. Mereka terdiri dari pakar dalam bidang masing-masing dan menggabungkan kelebihan ini untuk mempengaruhi pendapat awam dan proses pembuatan keputusan pemerintah.

Jika diperhatikan keanggotaan golongan neokonservatif dan mereka yang berada dalam pentadbiran Bush, sebahagian besar mereka berada dalam

organisasi *Project for the New American Century*, kumpulan pemikir seperti *American Enterprise Institute* (AEI) dan badan penasihat seperti *Defense Policy Board*. Kedudukan ini memudahkan penyelarasan dasar apatah lagi jika mengambil perkiraan bahawa terdapatnya pengaruh faktor warisan yang dicerminkan oleh keluarga Kristol (Irving Kristol dan William Kristol) dan keluarga Kagan (Donald Kagan, Robert Kagan dan Frederick Kagan) yang berperanan penting di pihak intelektual. Kesepaduan antara mereka yang berada dalam posisi pentadbiran dan intelektual memainkan peranan penting dalam menyalurkan hegemoni berideologi Bush kepada rakyat AS dan masyarakat dunia.

Satu lagi komponen kepimpinan intelektual yang banyak memainkan peranan ialah pelobi Yahudi yang sering dikatakan mempengaruhi pembentukan dasar yang menyokong Israel. Mearsheimer dan Walt (2006) berhujah bahawa Perang Iraq bukanlah disebabkan oleh faktor minyak tetapi kerana dimotivasikan oleh keperluan menjadikan Israel selamat. Peranan ini dimainkan dengan berkesan oleh pelobi Yahudi khususnya golongan neokonservatif yang berada di dalamnya. Mendahului senarai ialah *American-Israel Public Affairs Committee's* (AIPAC) yang merupakan pelobi paling berkuasa di AS selepas *American Associated of Retired People* (AARP). Lebih daripada itu, tokoh Yahudi juga turut mengisi kumpulan-kumpulan pemikir sejak 25 tahun yang lepas terutamanya di tiga kumpulan pemikir yang paling dikaitkan dengan golongan neokonservatif iaitu AEI, *Jewish Institute for National Security Affairs* (JINSA) dan Institut Hudson.

Penyerapan ideologi sebagai satu rasa bersama

Mempertimbangkan perbincangan di atas, hegemoni berideologi Bush akhirnya berjaya meletakkan satu imej dan pandangan yang diterima oleh rakyat dan masyarakat antarabangsa. Berdasarkan maklumat yang kebanyakannya dibekalkan oleh tokoh neokonservatif di Jabatan Pertahanan dan *Defence Policy Board*, dua mitos terbesar yang berjaya dikenakan oleh Bush terhadap rakyat dan masyarakat antarabangsa ialah pertalian antara Saddam Hussein dan kejadian

9/11 dan juga pemilikan WMD oleh Saddam. Walhal pada hakikatnya, kedua-dua tuduhan ini sebenarnya salah sama sekali. Dua lagi retorik dan mantra yang kerap digunakan Bush ialah “*imminent threat*” dan “*safer and secure country*” yang sering dijadikan alasan sesuatu tindakannya (lihat antaranya Cohen 2001b; Dokumentari *Gunning for Saddam* 2001; Fisher 2003; Elliot & Carney 2003; Clarke 2004; *The 9/11 Commission Report* 2004; Pfiffner 2004).

Proses ini berjaya meletakkan satu situasi yang mempengaruhi dan menyatukan kepercayaan massa seterusnya menyebabkan rakyat AS sentiasa berada dalam ketakutan. Hal ini juga berjaya menyumbang kepada kejayaan signifikan Bush untuk memenangi penggal kedua pemerintahan biar pun dengan beberapa isu besar yang menyelubungi pentadbirannya seperti isu penderaan tahanan Abu Ghraib, pencabulan hak asasi di Kem Tahanan Guantanamo dan kekacauan di Iraq. Dengan kata lain, proses ini berjaya mempopularkan falsafah dan budaya AS sebagai golongan yang tidak boleh dicabar dan di atas nama keselamatan negara, segala tindakan dan pencabulan dijustifikasikan sebagai wajar.

Proses hegemoni-balas (perang posisi)

Seperti yang dicadangkan Gramsci, proses perang posisi haruslah berlaku jika hegemoni berideologi pemerintah ingin dipatahkan. Sejak serangan terhadap Afghanistan, masyarakat dunia memaparkan penentangan terhadap dasar pencerobohan AS ke atas sebuah negara dunia ketiga yang miskin dan terkebelakang dari segi pembangunan. Namun pencerobohan AS terhadap Iraq menandakan kedegilan AS yang terbesar dalam sejarahnya kerana ia mencerminkan penekanan AS terhadap konsep serangan awal, pertukaran rejim dan keagungan AS – tiga tunjang utama yang mendasari Doktrin Bush. Biar pun Perang Iraq dibantah di seluruh dunia dalam tunjuk perasaan seantero global, AS tetap meneruskan serangan tersebut.

Bantahan ini secara langsung menandakan penolakan dunia terhadap Doktrin Bush yang disifatkan oleh Cumings (2003, 360) melambangkan hasrat “Imperialisme Amerika Baru” dan akan mewujudkan:

...orde antarabangsa yang hegemoni, berdasarkan kuasa. Dunia yang lainnya akan merungut tetapi negara lain tidak akan mampu mengenakan kos yang mencukupi terhadap AS untuk mengubah orientasi unilateralnya yang meningkat (Ikenberry 2003, 379)

Sehubungan itu, dapat dilihat bahawa apabila tiba ke hari ulangtahun 9/11 ataupun Perang Iraq, masyarakat antarabangsa tidak putus-putus mengadakan tunjuk perasaan dan demonstrasi bagi membantah perang tersebut. Bantahan ini diikuti dengan gerakan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis keamanan yang mahukan agar AS menghentikan dasar luarnya yang agresif. Di Malaysia contohnya, peranan ini dijalankan dengan baik oleh pertubuhan seperti Organisasi Keamanan Global Perdana, *International Movement For Just World* (JUST) dan *Citizen International* yang kerap menganjurkan pameran, seminar dan forum berkenaan ketidakadilan AS khususnya dalam Perang Iraq.

Selain daripada sektor intelektual yang diwakili oleh tentangan masyarakat sivil, sektor intelektual yang diwakili oleh sarjana dan para ahli akademik yang *non-partisan* telah melancarkan gerakan peperangan idea bagi mematahkan hujah dan logik yang diutarakan oleh sektor intelektual pemerintah. Mereka secara berterusan mengingat dan meramalkan bahawa jika Perang Iraq dilancarkan, AS akan menemui kegagalan dan mendapati bahawa AS akan berseorangan dalam misi mereka menegakkan demokrasi di Timur Tengah. AS juga menurut mereka tidak boleh berhadapan dengan ancaman baru keganasan tanpa kerjasama negara-negara lain. Sudah tentu, kerajaan-kerajaan yang lain kebiasaannya akan bekerjasama demi kepentingan masing-masing. Tetapi takat kerjasama mereka itu sering bergantung pada tarikan yang dipunyai AS. Mereka menganggap AS perlu kembali kepada keseimbangan kuasa ataupun "kuasa lunak" dan meletakkan pergantungan kepada aktor tempatan untuk mengekalkan keseimbangan kuasa serantau (lihat antaranya Nye 2002; 2003; 2004; Wallerstein 2002; Kennedy 2002; Mearsheimer & Walt 2003; Fareed 2003; Kupchan 2003; Gaddis 2003; Walt 2005; Fukuyama 2005).

Krisis hegemoni berideologi Doktrin Bush

Gramsci meramalkan dengan jelas bahawa krisis hegemoni akan tercetus apabila pemerintah mengalami kegagalan dalam sesuatu dasar yang dijalankan secara paksaan. Lebih menarik apabila Gramsci memberikan contoh seperti kegagalan perang yang menurut penulis merupakan hujah utama mengapa teori hegemoni berideologi Gramsci seolah-olah memberikan analisis yang tepat mengenai hegemoni berideologi Doktrin Bush.

Justeru, pada penghujung penggal pertama pentadbiran Bush lagi, ideologi neokonservatif sudah mula mendapat tentangan daripada pihak konservatif tradisional khususnya apabila bukti ternyata menunjukkan tiada WMD yang dijumpai di Iraq. Kehadiran neokonservatif dilihat telah mencemar ideologi dan pegangan asal konservatif kerana ia bukanlah sesuatu yang konservatif tetapi bersifat radikalisme, egoisme dan utopia. Dasar luar Bush juga bertitik tolak daripada kesalahan mentafsir sejarah dan penekanan yang keterlaluan terhadap idea unilateralisme dan ketenteraan (Prestowitz 2003; Ikenberry 2004; Fukuyama 2006).

Memasuki penggal kedua pentadbiran Bush, neokonservatif mula mengalami perpecahan dengan pertukaran atau perletakan jawatan tokoh utama mereka. Malah ada yang menerima sabitan hukuman di mahkamah kerana kesalahan membocorkan maklumat perisikan. Intelektual seperti Francis Fukuyama mengumumkan "keluar dari barisan" dan membidas ideologi neokonservatif yang merosakkan dasar luar Bush (Muhamad Takiyuddin 2006b).

Sejak tercetusnya skandal penderaan Abu Ghraib, Iraq mula dibandingkan menjadi satu lagi Vietnam (Muhamad Takiyuddin 2007). Ucapan Bush di Fort Bragg pada Jun 2005 dikecam hebat oleh akhbar-akhbar AS termasuklah akhbar yang dahulunya menjadi platform bagi pemerintah seperti *Washington Post*, *New York Times* dan *USA Today*. Banyak akhbar menuduh beliau masih menggunakan sentimen 9/11 dan enggan berterus terang mengenai sebab sebenar peperangan (*Berita Harian* 30 Jun 2005, 22; *Berita Harian* 1 Julai 2005, 23). Kritikan ini lebih jelas kedengaran sewaktu ulang tahun ke-5 tragedi 9/11 pada

September 2006. Media global termasuk akhbar utama di AS mengecam Bush yang menjadikan dunia lebih tidak selamat (*New Straits Times* 12 September, 7).

Bush juga menjadi semakin paranoid apabila secara rahsia menjalankan program pengintipan curi dengar terhadap panggilan telefon rakyat AS sehingga menimbulkan bantahan rakyat dan pemimpin Kongres (lihat Thomas & Klaidman 2006, 8-16). Tinjauan *TIME* pada Mac 2006 mendapati sokongan terhadap perang berkurangan dan 60% daripada responden yang ditanya menyatakan bahawa perang di Iraq adalah tidak berbaloi (lihat Gibbs 2006, 24). Dasar Bush juga bukan sahaja dikritik oleh rakyat dan negara luar tetapi oleh cabang tenteranya sendiri (lihat antaranya Gibbs & Allen 2005; Thomas & Barry 2006).

Paling nyata dan jelas ialah keadaan Iraq yang memasuki era perang sivil yang telah memecahbelahkan negara tersebut dalam skala yang tidak pernah dimimpikan. Hal ini termasuklah pembunuhan beramai-ramai oleh tentera AS di Haditha dan di bandar Ishaqi pada Mac 2006 (*Utusan Malaysia* 3 Jun 2006, 32). Pungutan suara akhbar Britain, *Guardian* pada November 2006 pula mendapati bahawa 75% mempercayai bahawa Bush adalah berbahaya kepada keamanan dunia melebihi pemimpin Korea Utara, Kim Jong II dan pemimpin Iran, Mahmoud Ahmadinejad (dipetik daripada *New Straits Times* 19 November 2006, 11).

Sehubungan itu, memasuki tahun 2006, Doktrin Bush telah didebatkan sebagai menuju tempoh pengakhiran dan rata-rata beranggapan bahawa dasar Bush telah menemui kegagalan dan menyifatkan kerosakan yang berlaku di Iraq adalah terlalu besar (lihat antaranya Gibbs & Allen 2005; Rubin & Pletka 2006; Allen & Ratnesar 2006; Boot 2006; Podhoretz 2006; McClay 2007). Kemuncak dalam penolakan rakyat AS terhadap Doktrin Bush berlaku apabila Parti Republikan mengalami kekalahan dalam Pilihan Raya Kongres pada November 2006 dan seterusnya menyaksikan penguasaan Parti Demokrat di Kongres semenjak 12 tahun. Keputusan yang diakui oleh Bush sebagai "kalah teruk" merupakan bantahan paling jelas terhadap dasar luar Bush khususnya berhubung perang di Iraq. Tidak lama selepas itu, Bush sekali lagi menerima tamparan

apabila *Iraq Study Group* mengeluarkan laporannya pada Desember 2006. Dua tema utama yang mendasari laporan berkenaan ialah keperluan untuk mengubah pendekatan dasar luar kepada diplomasi dan menarik keluar askar AS di Iraq pada awal tahun 2008. Bahawa tajuk laporan kumpulan berkenaan iaitu “*The Way Forward - New Approach*” sudah cukup menggambarkan betapa pemulihan yang perlu dilakukan Bush adalah komprehensif. Seperti yang dirumuskan oleh Richard Holbrooke iaitu duta PBB sewaktu era Clinton, perkembangan tersebut sekaligus menandakan berakhirnya era di mana dasar luar AS dibentuk oleh mereka yang melihat dunia sepertimana mereka mahu (neokonservatif) dan bukannya seperti yang sedia ada (dipetik dari Duffy 2006. Juga lihat antaranya Hirsh & Ephron 2006; Klein 2006; Kosova 2006; Meacham 2006; Thomas 2006; 2006b; Duffy 2006b; Tumulty & Allen 2006; Knowlton & Stout 2006; *The Iraq Study Group Report* 2006).

Seperti yang diramalkan Gramsci, sesuatu negara itu akan kehilangan taraf memimpin dan hanya menjadi dominan jika berlakunya sesuatu dalam krisis hegemoni. Maka hal inilah yang berlaku kepada AS pada masa ini. Walaupun sukar untuk menafikan bahawa AS mempunyai hegemoni kekuatan ketenteraan, namun AS ketika ini hanya sekadar mendominasi bukannya memimpin kerana kegagalan Perang Iraq, sifat keangkuhan dan sifat tidak peduli mereka terhadap masyarakat antarabangsa dan keselamatan dunia lain. Dalam satu soal selidik yang dijalankan oleh Majlis Hal Ehwat Awam Sejagat Chicago (CCGA) pada penghujung 2006, kebanyakan rakyat Asia menganggap bahawa Washington sudah tidak mampu memimpin dunia dengan bertanggungjawab. Walaupun pengaruh AS amat tinggi dan sukar untuk ditandingi dalam tempoh 10 tahun akan datang, kebanyakan responden mempercayai bahawa China bakal mengambilalih peranan tersebut dalam tempoh 50 tahun akan datang (*Berita Harian* 13 Oktober 2006, 19).

KESIMPULAN

Makalah ini telah menganalisis permulaan dan pengakhiran Doktrin Bush berdasarkan perspektif hegemoni berideologi Gramsci. Melalui perbincangan ini, boleh dianggap bahawa Doktrin Bush yang menerima ideologi neokonservatif telah ditolak dan menerima tentangan daripada rakyat AS dan masyarakat antarabangsa. Walaupun ia berjaya menembusi, menyerapi dan seterusnya mengukuhkan struktur pemerintah pada awalnya, proses tersebut akhirnya mengalami krisis berikutan dasar yang digubal terbentuk dari aspek manipulasi, paksaan dan bersifat mengeksploitasi kepentingan massa yang lebih besar. Kekalahan Parti Republikan di Kongres dan tentangan semasa terhadap Perang Iraq sekaligus menandakan kejayaan proses hegemoni balas yang dikenakan oleh Parti Demokrat, rakyat AS serta juga masyarakat antarabangsa. Ideologi neokonservatif yang dahulunya digunakan sebagai “penyatu” suara rakyat tidak lagi diterima dan masyarakat AS mula menolak kepercayaan dan falsafah Doktrin Bush.

RUJUKAN

- A.M Adinda & Usman Burhan. 1963. *Kamus Politik*. Cetakan ke-9. Surabaya: Penerbit Ksatria.
- Acharya, A. 2003. The Bush Doctrine and Asian Regional Order: The Perils and Pitfalls of Preemption. *Asian Perspective* 27(4): 217-247.
- Allen, M & Ratnesar, R. 2006. The End of Cowboy Diplomacy. *TIME*, 17 Julai 2006: 18-23.
- Bennet, W.J. 2003. The Bases of National Strength. Dlm. Bergner, J.T (pnyt.). *The next American Century*, hlm 9–14. Lanham: Rowman & Littlefield Publishers.
- Berita Harian*. 30 Jun 2005: 22, 1 Julai 2005: 23, 13 Oktober 2006: 19.
- Boggs, C. 1976. *Gramsci's Marxism*. London: Pluto Press.
- Bolton, J.R. 1998. Courting Danger: What's Wrong with the International Criminal Court?. *National Interest* 54. (Atas talian). <http://search.ebscohost.com.ezplib.ukm.my/login.aspx?Direct=true&db=afh&AN=1383443&site=ehost-live> (21 November 2006).
- Boot, M. 2001. The Case for American Empire. (Atas talian). http://www.weeklystandard.com/utilities/printer_preview.asp?idArticle (4 Februari 2005).
- Boot, M. 2006. It's Not Over Yet. *TIME*, 11 September: 26.
- Cameron, F. 2005. *US Foreign Policy After the Cold War: Global Hegemon or Reluctant Sheriff*. Ed.Ke-2. London Routledge.
- Carmichael, M. 2005. Religious Influence on Bush's Administration. Pembentangan di Forum Keamanan Global Perdana, Kuala Lumpur, 15 Desember 2005.
- Chandra Muzaffar. 2004. Terima Kasih Kepada Bush. *Mingguan Malaysia*, 7 November: 7.
- Clarke, R.A. 2004. *Against All Enemies: Inside America's War on Terror*. New York: Free Press.
- Cohen, E.A. 2001. World War IV. (Atas talian). <http://groups.google.com/group/soc.history.medieval/asg/fcf/cea48c.html> (10 Ogos 2005).
- Cohen, E.A. 2001b. A Strange War. *National Interest* Special Issue (Thanksgiving 2001): 11-22.
- Cohen, E.A. 2004. History and the Superpower. *Foreign Affairs* 83 (4): 49-63.
- Cox, R.W. 1993. Gramsci, Hegemony and International Relations: An Essay in Method. Dlm. Gill, S (pnyt.). *Gramsci, Historical Materialism and International Relations*, hlm 49–92. New York : Cambridge University Press.
- Cumings, B. 2003. Is America an Imperial Power . *Current History* 102 (667): 355-360.
- Daim Zainuddin. 2004. *War of Deception : The Facts and Fallacies About the War in Iraq*. Subang Jaya: Pelanduk Publications.
- Duffy, M. 2006. Searching for a Strategy, *TIME*, 20 November: 24-28.
- Duffy, M. 2006b. Can Bush Find an Exit. *TIME*, 11 Desember: 20-25.

- Eisenhower, D.D. 1990. *Falling Dominoes*. Dlm. Kimball, J.P (pnyt.). *To Reason Why*, hlm 30-31. New York: McGraw-Hill.
- Elliot, M & Carney, J. 2003. First Stop, Iraq. *TIME*, 31 Mac: 44-52.
- Fareed Zakaria. 2003. The Arrogant Empire. *Newsweek*, 24 Mac: 12-27.
- Fisher, L. 2003. Deciding on War Against Iraq: Institutional Failures. *Political Science Quarterly* **118**(3): 389–410.
- Fukuyama, F. 2002. The End of history. Dlm. Betts, R.K (pnyt.). *Conflict After the Cold War*, hlm 5–16. New York: Longman.
- Fukuyama, F. 2004. The Neoconservative Moment . *National Interest* **76** : 57-68.
- Fukuyama, F. 2005. Re-Envisioning Asia. *Foreign Affairs* **84** (1): 75-87.
- Fukuyama, F. 2006. *After the Neocons: America at the Crossroads*. London: Profile Books.
- Gaddis, J.L. 2003. Interview: Bush Administration’s National Security Strategy. (transkrip dokumentari). (Atas talian). <http://www.pbs.org/wgbh/pages/frontline/shows/iraq/interviews/gaddis/html> (17 Mei 2006).
- Gibbs, N & Allen, M. 2005. A Time to Regroup. *TIME*, 7 November: 14-19.
- Gibbs, N. 2006. Was It Worth It ?. *TIME*, 27 Mac 2006: 24.
- Gill, S & Law, D. 1993. Global Hegemony and the Structural Power of Capital. Dlm. Gill, S (pnyt.). *Gramsci, Historical Materialism and International Relations*, hlm 93–124. New York: Cambridge University Press.
- Gramsci, A. 1971. *Selections from the prison notebooks of Antonio Gramsci*. Disunting oleh Quintin Hoare & Geoffrey Nowell Smith. London: Lawrence and Wishart.
- Gunning for Saddam* (transkrip dokumentari) November 8, 2001. (Atas talian). <http://www.pbs.org/wgbh/pages/frontline/shows/gunning/etc/script.html> (2 November 2005).
- Guyatt, N. 2003. *Another American century?*. London: Zed Books.
- Haass, R. 2005. Regime Change and its Limits. *Foreign Affairs* **84** (4) : 66-78.
- Hastedt, G.P. 2003. *American Foreign Policy: Past, Present and Future* . Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Hilley, J. 2001. *Malaysia: Mahathirism, Hegemony and the The New Opposition* . London: Zed Books.
- Hirsh, M & Ephron, D. 2006. The Last Man Standing. *Newsweek*, 4 Desember: 31.
- Hobden, S & Jones, R.W. 2001. Marxist Theories of International Relations. Dlm. Smith, S & Baylis, J (pnyt.). *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*, hlm 200-223. Ed.Ke-2. Oxford: Oxford University Press.
- Kagan, R. 2002. Power and Weakness. <http://www.policyreview.org/JUN02/Kagan.html> (26 Julai 2005).
- Huntington, S.P. 1993. Clash of Civilization. *Foreign Affairs* **72**(3) : 22 - 49.
- Huntington, S.P. 1996. The West Unique, Not Universal, *Foreign Affairs* **75**(6) : 28-46.
- Ikenberry, G.J. 2003. America and the Ambivalence of Power. *Current History* **102** (667): 377-382.

- Ikenberry, G.J. 2004. The End of the Neo-Conservative Moment. *Survival* **46**(1): 7-22.
- Jervis, J. 2003. Understanding the Bush Doctrine. *Political Science Quarterly* **118** (3): 365-388.
- Kagan, D & Kagan, F, I. 2000. While America Sleeps. (Atas talian). <http://www.fpri.org/enotes/military.20001103.kagankagan.whileamericasleeps.html> (23 Mei 2006).
- Kagan, R. 2002. Power and Weakness. <http://www.policyreview.org/JUN02/Kagan.html> (26 Julai 2005).
- Kaplan, L.F & Kristol, W. 2003. *The War over Iraq : Saddam's Tyranny and America's Mission*. San Francisco: Encounter Books.
- Kennan, G. 1996. Interview (transkrip dokumentari). (Atas talian). <http://www.pbs.org/newshour/gergen/kennan.html> (9 Julai 2007).
- Kennedy, P. 2002. Time for An American Recessional? *Newsweek Special Edition*, Disember 2002–Februari 2003: 98–99.
- Kennedy, P. 2003. Gerangan Strategi Keselamatan Kebangsaan. *Dewan Budaya*, November: 52-53.
- Kissinger, H.A. 2003. Sekutu Atlantik Diselubungi Krisis Paling Berat. *Dewan Masyarakat*. Terj. Dewan Bahasa Pustaka. Mei: 38-40.
- Klein, J. 2006. Reaching for the Center. *TIME*, 20 November: 20-23.
- Knowlton, B & Stout, D. 2006. Forging a Pragmatic Consensus on Iraq. *New Straits Times*, 8 Disember: 24.
- Kosova, W. 2006. The Point of No Return. *Newsweek*, 18 Disember: 18-21.
- Krauthammer, C. 1991. The Unipolar Moment. *Foreign Affairs* **70**(1) : 23 - 33.
- Krauthammer, C. 1999. A Second American Century ? *TIME*, 27 Disember : 96.
- Krauthammer, C. 2001. The Bush Doctrine. *TIME*, 5 Mac: 35.
- Krauthammer, C. 2004. Democratic Realism: An American Foreign Policy for a Unipolar World.
- Krauthammer, C. 2004b. In Defense of Democratic Realism. *National Interest* **77** : 15-21.
- Kristol, W. & Kagan, R. 1996. Towards a neo-Reaganite Policy. *Foreign Affairs* **75**(4) : 18-32.
- Kull, S & Ramsay, C & Lewis, E. 2003. Misperceptions, the Media, and the Iraq War. *Political Science Quarterly* **118** (4), Winter 2003-2004 : 569-598.
- Kupchan, C.A. 2003. Berakhirnya Barat. *Dewan Masyarakat*. Terj. Dewan Bahasa Pustaka. Februari : 51 – 54.
- McClay, W.M. Is Conservatism Finished? 2007. (Atas talian). <http://www.commentarymagazine.com/cm/main/viewArticle.aip?id=10812> (4 Mac 2007).
- Meacham, J. 2006. The prodigal returns. *Newsweek*, 20 November 2006: 12-23.
- Mearsheimer, J.J & Walt, S.M. 2003. The Unnecessary War. *Foreign Policy* Jan/Feb. (Atas talian). <http://www.mtholyoke.edu/acad/intrel/bush/walt.html> (13 Januari 2004).
- Mearsheimer, J.J & Walt, S.M. 2006. The Israel lobby and U.S foreign policy. (Atas talian). <http://ksgnotes1.harvard.edu/Research/wpaper.nsf/rwp/RWP06-011/SFile/rwp-06-011-walf.pdf> (11 Mei 2006).

- Mohamad Abu Bakar. 1993. Pensejagatan Demokrasi. *Dewan Budaya*, Desember: 26-29.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. 2006. Aliran Neokonservatif Dalam Dasar Luar Amerika Syarikat : Satu Analisis Terhadap Pengembangan Peranan dan Pengaruh. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sains Sosial. Program Sains Politik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.UKM.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. 2006b.Berakhirnya Sejarah Seorang Neokonservatif. *Dewan Masyarakat*. Desember: 51-53.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. 2007. “Perang Vietnam Kedua”. *Dewan Masyarakat*. Januari: 48-50.
- Nau, H.R. 2004. No Enemies on the Right. *National Interest* **78**: 19-28.
- New Straits Times*. 12 September 2006: 7,19 November 2006: 11,
- Nye, J.S. 2002. Limits of American Power. *Political Science Quarterly* **117** (4), Winter 2002-2003: 545-559.
- Nye, J.S. 2003. U.S Power and Strategy After Iraq. *Foreign Affairs* **82**(4): 60-73.
- Nye, J.S. 2004. The Decline of America’s Soft Power. *Foreign Affairs* **83**(3): 16-20.
- Perle, R. 2002. Interview: The Making of a Neoconservative (transkrip dokumentari). (Atas talian). <http://www.pbs.org/thinktank/transcript1017.html> (20 Jun 2005).
- Perle, R. 2003. Truth, War and Consequences: Interview with Richard Perle (transkrip dokumentari). (Atas talian). www.pbs.org/wgbh/pages/frontline/Shows/truth/interviews/perle.html (31 Julai 2005).
- Pfiffner, J.P. 2004. Did President Bush Mislead the Country in His Arguments for War with Iraq?, *Presidential Science Quarterly* **34** (1): 4-25.
- Podhoretz, N. 2004. World War IV : How It Started, What It Means, And Why We Have To Win? <http://www.commentarymagazine.com./podhoretz.html> (2 Ogos 2005).
- Podhoretz, N. 2006. Is the Bush Doctrine Dead? (Atas talian). <http://www.commentarymagazine.com./archive/digitalarchive.aspx?> (17 September 2006).
- Prestowitz, C. 2003. *Rogue Nation: American Unilateralism and the Failure of Good Intentions*. New York: Basic Books.
- Ransome, P. 1992. *Antonio Gramsci: A New Introduction*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Rosnani Hashim. 2003. Imej Umat Islam Pascaperistiwa 11 September. *Pemikir*. Julai-September 2003: 1-23.
- Rubin, M. & Pletka, D. 2006. Bush killed his own doctrine. (Atas talian). <http://www.aei.org/publications/pubID.24452.filter.all/pub-detail.asp> (17 September 2006).
- Ryn. C.G. 2003. *America the Virtuous : The Crisis of Democracy and the Quest for Empire*. New Brunswick: Transaction Publishers.
- Schlesinger, A.M. 2005. *War and the American Presidency*. New York: W.W Norton Company

- Shakila Parween Yacob. 2004. Kemenangan Bush Satu Pengajaran kepada Negara Islam. *Mingguan Malaysia*, 7 November: 6-7.
- Shakila Parween Yacob. 2005. *Amerika Syarikat: Pembentukan Negara Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The 9/11 Commission Report*. 2004. Final Report of the National Commission on Terrorist Attacks upon The United States (Edisi Dibenarkan). New York: W.W Norton & Company.
- The Economist*. 2006. In the World of Good and Evil. 16-22 September: 43-44.
- The Iraq Study Group Report*. 2006. (Atas talian). http://www.usip.org/isg/iraq_study_group_report/report/1206/iraq_study_group_report.pdf (13 Februari 2007).
- The National Security Strategy of The United States of America*. (Atas talian). <http://www.whitehouse.gov/nsc/nss.html>. (15 Oktober 2004).
- The World According to Bush*. 2004. Dokumentari (DVD) : Flach Film.
- Thomas, E & Barry, J. 2006. Anatomy of a Revolt. *Newsweek*, 24 April: 21-25.
- Thomas, E & Klaidman, D. 2006. Full Speed Ahead. *Newsweek*, 9 Januari: 8-16.
- Thomas, E. 2006. The Rescue Squad. *Newsweek*, 20 November: 24-35.
- Thomas, E. 2006b. So Now What, Mr President? *Newsweek*, 11 Disember: 20-29.
- Thompson, K. 1986. *Beliefs and Ideology*. London: Ellis Horwood Limited.
- Tumulty, K & Allen, M. 2006. It's Lonely at the Top. *TIME*, 6 November: 14-19.
- Ucapan Bush Hanya Tarik 23 Juta Penonton. 2005. *Berita Harian*, 1 Julai : 23.
- Utusan Malaysia*. 3 Jun 2006: 32,
- Wallerstein, I. 2002. The eagle has crash landed. (Atas talian). http://www.news.foreign_policy.com/issue_julyaug_2002/wallerstein.html (20 Jun 2005).
- Walt, S.W. 2005. Taming American Power. *Foreign Affairs* **84** (5): 105-120.
- Woolsey, J.R. 2002. World War IV. (Atas talian). http://www.globalsecurity.org/military/library/report/2002/021116_ww4.html (10 Ogos 2005).
- “X”. 1947. The Sources of Soviet Conduct. *Foreign Affairs* **XXV** (4): 566-582.

¹ *Neo-Reaganite* merujuk kepada penerusan dasar luar agresif yang dijalankan oleh Presiden Ronald Reagan sewaktu era Perang Dingin antara 1980-1989. Kumpulan neokonservatif yang kembali berpengaruh dalam pentadbiran George W. Bush merupakan pendukung utama kepada dasar ini seperti yang diujahkan oleh Kristol & Kagan (1996). Mereka mencadangkan dasar luar *neo-Reaganite* sebagai panduan utama dasar luar AS untuk abad ke-21 yang digambarkan oleh tiga ciri utama iaitu peningkatan belanja ketenteraan, menentang kebangkitan komunis di negara Dunia Ketiga dan kejelasan moral yang lebih besar dalam dasar luar (1996, 19). Sehubungan itu, dasar luar *neo-Reaganite* haruslah berpandukan konsep “hegemoni global yang baik hati” dengan objektif pertamanya ialah untuk memelihara dan mengukuhkan ketinggian tersebut.

² Dasar pembendungan dicipta oleh George Kennan yang menjadi asas teoritikal AS dalam menghadapi cabaran USSR dalam era Perang Dingin. Dalam artikel *The Sources of Soviet Conduct* yang ditulis dibawah nama “X” dalam jurnal *Foreign Affairs* (1947), Kennan telah menggesa Presiden Truman agar menghantar bantuan ketenteraan dan ekonomi ke negara-negara Eropah untuk mengelak USSR daripada meluaskan lingkungan pengaruhnya. Idea Kennan ini kemudiannya direalisasikan dengan pembentukan Pelan Marshall atau Pelan Pemulihan Eropah yang diperkenalkan oleh Setiausaha Negara, George C. Marshall. Pelan ini menawarkan bantuan

AS kepada negara-negara Eropah Barat dalam memulihkan negara mereka yang musnah akibat peperangan. Sebagai langkah perlindungan ketenteraan, Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) kemudiannya dibentuk pada tahun 1949 yang mengandungi sebelas buah negara yang menghubungkan tentera AS dan negara-negara Eropah Barat. Secara amnya, dasar ini lebih merupakan satu pendekatan membendung kemaraan pengaruh USSR dari meluaskan empayarnya dengan memberi bantuan dan melindungi lain-lain negara. Namun Kennan sendiri akhirnya mengkritik dasar ini kerana penggubal dasar di AS lebih menitik-beratkan peranan ketenteraan dan diaplikasikan secara bebas di negara luar (sila lihat Kennan 1996).

³ Domino demokrasi merupakan lanjutan kepercayaan neokonservatif terhadap teori domino yang diperkenalkan oleh Presiden Eisenhower dalam konteks Perang Vietnam. Eisenhower mempercayai bahawa jika negara Vietnam ke tangan pihak komunis, ia akan mewujudkan kesan domino terhadap negara-negara lain di Asia Tenggara. Kepercayaan ini menjadi sebab utama penghantaran tentera AS ke Vietnam pada penghujung tahun 1950-an. Hujah yang sama juga terdapat dalam Perang Iraq khususnya dari kumpulan neokonservatif. Tokoh neokonservatif seringkali mempercayai bahawa dengan menggulingkan Saddam Hussein, proses pendemokrasian di Timur Tengah akan menjadi lebih teratur dan dapat menyekat pembangunan WMD di kalangan rejim-rejim nakal. Untuk bacaan lanjut, sila lihat antaranya Eisenhower (1990) dan Jervis (2003).

⁴ Penyebaran idea pensejagatan demokrasi merujuk kepada proses peralihan idea demokrasi secara menyeluruh selepas jatuhnya ideologi komunisme melalui dukungan utama AS. Proses ini mempercayai bahawa pensejagatan demokrasi mampu membawa keamanan dan orde dunia yang lebih stabil. Tumpuan utama terhadap proses pensejagatan ini ialah Timur Tengah seperti yang pernah disuarakan oleh Presiden Bush melalui impiannya melihat sebuah Timur Tengah Baru. Untuk bacaan lanjut, sila lihat antaranya Mohamad Abu Bakar (1993); Huntington (1996). Krauthammer (2004b) dan Fukuyama (2004).

⁵ Istilah *neo-Wilsonian* merupakan istilah yang kerap ditujukan untuk kumpulan neokonservatif bagi menggambarkan persamaan hasrat mereka untuk menyebarkan gagasan demokrasi liberal seperti yang pernah dicadangkan oleh Presiden Woodrow Wilson melalui penubuhan Liga Bangsa selepas Perang Dunia Pertama. Namun, istilah ini boleh dianggap longgar kerana neokonservatif menolak penggantungan terhadap rejim multilateralisme sedangkan Presiden Wilson memandang pertubuhan multilateralisme sebagai kaedah utama untuk mencapai cita-citanya (Fukuyama 2006, 41).